



TALKING POINT MENTERI PERPADUAN NEGARA

PROGRAM SANTUNI MURID TABIKA PERPADUAN KEMBALI KE TABIKA PERPADUAN SESI TAHUN 2026

1. Objektif Program

Menyediakan sokongan dan bantuan kepada murid Tabika Perpaduan bagi memastikan keselesaan, kesejahteraan serta kesediaan mereka mengikuti sesi persekolahan. Di samping itu program ini turut bertujuan memupuk minat dan motivasi pembelajaran melalui penyediaan aktiviti serta bahan pembelajaran yang merangsang, serta membantu mengurangkan beban kewangan ibu bapa atau penjaga dalam menyediakan keperluan murid-murid memulakan sesi persekolahan.

2. Penyertaan Murid Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan Sesi Tahun 2026 pada hari pertama persekolahan.

Seramai **33,307 murid berdaftar** di 1,781 Tabika Perpaduan seluruh negara yang terdiri daripada 4 hingga 6 tahun.

Seramai **998 kanak-kanak berdaftar** di 41 Taska Perpaduan seluruh negara yang terdiri daripada 2 hingga 4 tahun.

3. Peruntukan Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan Tahun 2026

Pada Tahun 2026, kerajaan terus memberi keutamaan kepada pendidikan awal kanak-kanak melalui peruntukan sebanyak RM55.5 juta bagi Bantuan Makanan Tambahan, Geran Per Kapita, insurans, *Starter Kit*, peralatan, pengajaran dan pembelajaran dan keselamatan.

Peruntukan ini turut merangkumi Tabika Perpaduan Kondusif (pembaikan), Program Pengukuhan Profesionalisme Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik Taska Perpaduan, dan Program Generasi Cilik Perpaduan.

4. Kemudahan Starter Kit di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan

Kerajaan komited menyediakan *Starter Kit* secara percuma:

- i. Murid Tabika Perpaduan: Baju Seragam dan Beg Galas.
- ii. Kanak-kanak Taska Perpaduan: Baju Seragam, Beg Galas, Selimut dan Tuala.

5. Kurikulum Prasekolah 2026

Tabika Perpaduan kini berada dalam keadaan bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan Kurikulum Prasekolah yang baharu mulai tahun ini. Semua guru Tabika Perpaduan telah mengikuti latihan secara menyeluruh bersama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan pelaksanaan kurikulum ini dapat dilaksanakan secara berkesan, berkualiti dan selari dengan keperluan pembangunan murid.

Dalam konteks Tabika Perpaduan, kurikulum ini menjadi landasan untuk menerapkan nilai perpaduan, hormat dan kasih sayang sejak usia awal lagi, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan insan secara holistik di mana bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga berakhlak mulia, berjiwa empati dan memiliki kesedaran sosial yang tinggi terhadap kepelbagaian masyarakat.

6. Menyepadukan Modul Perpaduan Dalam Kurikulum Baharu

JPNIN melalui Tabika Perpaduan telah melaksanakan modul-modul khas dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di kelas, antaranya Pendidikan Rukun Negara, Jom Urus Diri, Take 5, serta Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa iaitu Bahasa Mandarin, Tamil, Kadazan dan Iban.

Adalah dimaklumkan modul-modul khas ini akan disejajarkan dalam pelaksanaan Kurikulum Prasekolah 2026, di mana sebagai bahan sokongan yang memperkukuh proses PdP. Penggunaan teknologi dalam pelaksanaan modul-modul ini turut membuka ruang integrasi, membolehkan murid belajar secara interaktif dan menarik, sejajar dengan pendekatan pembelajaran abad ke-21.

MAKLUMAT TAMBAHAN

PERUNTUKAN TABIKA PERPADUAN TAHUN 2026 (RM55.5 JUTA)

1. Bantuan Makanan Tambahan RM 24,391,250.00

Tabika Perpaduan:

SM Malaysia : RM 3.00 x per murid x 210 hari

Sabah, Sarawak dan Labuan: RM 3.25 x per murid x 210 hari

Taska Perpaduan:

RM 8.00 x per kanak-kanak x 250 hari

2. Geran Per Kapita: RM 3,500,000.00

RM 100.00 x per murid Tabika Perpaduan

3. Insurans RM 359,640.00

4. *Starter Kit:* RM 2,293,600.00

Tabika Perpaduan: Baju Seragam dan Beg Galas

Taska Perpaduan : Baju Seragam, Beg Galas,

Selimut, Tuala

5. Peralatan, pengajaran dan pembelajaran RM 1,928,972.00

dan keselamatan

- Lembaran Kerja/Buku Aktiviti
- Buku Log Harian Taska
- Peralatan/Bahan Bantu Mengajar
- Perkhimatan internet

6. Tabika Perpaduan Kondusif (pembaikan) RM 20,000,000.00

- | | |
|--|-----------------|
| 7. Program Pengukuhan Profesionalisme Guru Tabika Perpaduan dan Pendidik Taska Perpaduan | RM 300,630.00 |
| | |
| 8. Program Generasi Cilik Perpaduan | RM 2,706,551.00 |
| <ul style="list-style-type: none">• Menu Sihat Perpaduan• Pintar Kreatif• Sukaneka Perpaduan• Sambutan Hari Kanak- Kanak• Konvokesyen TP dan TSP• Program Smart English @ TP• Pertandingan Inovasi TP dan TSP di Peringkat Negeri dan Kebangsaan | |